

Tanggapan negatif punca khabar angin

Elak ketegangan kaum: Mahathir

BH 22 OCT 1987

SUBANG, Rabu — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menasihatkan semua pihak supaya berhenti mengeluarkan atau melaporkan kenyataan yang boleh menimbulkan ketegangan kaum di negara ini.

Perdana Menteri yang kembali ke tanahair setelah menghadiri Persidangan Ketua-ketua Negara Komanwel di Vancouver, Kanada sejak 12 Oktober lalu, juga meminta rakyat berhenti membuat tanggapan negatif terhadap suasana politik di negara ini.

"Aliran pemikiran rakyat yang sentiasa membuat tanggapan negatif terhadap segala kejadian di negara ini boleh menimbulkan pelbagai khabar angin yang boleh menggugat perpaduan kaum.

"Oleh kerana rakyat terlalu memikirkankan perkara itulah maka kejadian seorang yang tidak waras mengamuk di kawasan Chow Kit kelmarin dikatakan satu rusuhan kaum," katanya.

"Yang mengamuk adalah orang Melayu dan yang menjadi mangsa juga adalah orang Melayu. Jadi tidak ada sebab mengapa kejadian itu dikatakan berpunca daripada masalah perkauman," katanya kepada pemberita di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur, di sini.

Datuk Seri Dr Mahathir bimbang, jika aliran pemikiran seperti itu tidak diatasi segera, apa sahaja kejadian jenayah di negara ini akan menyebabkan ketegangan kaum.

Ditanya sama ada beliau akan meminta semua menteri Kabinet supaya tidak mengeluarkan kenyataan yang boleh menimbulkan rasa tidak senang sesuatu kaum, Perdana Menteri berkata:

"Saya meminta semua pihak supaya ti-

Oleh SAODAH ELIAS

dak berbuat demikian. Bukan menteri sahaja yang mengeluarkan kenyataan yang menimbulkan keresahan.

"Saya juga meminta pihak media supaya lebih bertanggungjawab apabila menyiarkan sesuatu berita dan mengelak daripada membuat laporan yang provokatif."

Datuk Seri Dr Maha-

hathir juga menolak dakwaan sesetengah pihak wujudnya perselisihan antara Umno dan MCA berikutan isu perlantikan guru besar dan penolong kanan di Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina (SRJKC).

Katanya hubungan antara Umno dan MCA tidak terjejas. Kedua-dua pihak masih boleh berbincang seperti biasa.